



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Kabinet Setuju Terma & Syarat Ocean Infinity Bagi Mengesan Bangkai Pesawat MH370 di Selatan Lautan Hindi

Jemaah Menteri pada 19 Mac 2025 telah bersetuju dengan terma dan syarat perjanjian dengan syarikat Ocean Infinity (United Kingdom) untuk meneruskan operasi pencarian bangkai pesawat MH370.

Dengan kelulusan Jemaah Menteri hari ini, Kementerian Pengangkutan akan mewakili Kerajaan bagi menandatangani perjanjian pencarian dengan syarikat Ocean Infinity.

Keputusan Jemaah Menteri ini membolehkan operasi pencarian dasar laut dimulakan bagi mengesan bangkai pesawat MH370 di satu lokasi baharu yang dianggarkan seluas 15,000 kilometer persegi di Selatan Lautan Hindi berdasarkan prinsip “*no find, no fee*”.

Mengikut prinsip ini, Kerajaan Malaysia tidak perlu mengeluarkan sebarang bayaran kepada syarikat ini sekiranya tiada sebarang bangkai pesawat yang ditemui.

Fi sejumlah USD70 juta akan dibayar kepada Ocean Infinity sekiranya bangkai pesawat MH370 berjaya dijumpai.

Kerajaan komited meneruskan operasi pencarian dan memberikan penutup (*closure*) bagi keluarga waris penumpang pesawat MH370.

**MENTERI PENGANGKUTAN
LOKE SIEW FOOK
19 Mac 2025**

-TAMAT-



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Cabinet Approves Terms & Conditions for Ocean Infinity’s Search of MH370 Wreckage in the Southern Indian Ocean

On 19 March 2025, the Cabinet gave the final approval to the terms and conditions of the service agreement with Ocean Infinity (United Kingdom) for the search of MH370 wreckage.

With the Cabinet’s final approval today, the Ministry of Transport will represent the Malaysian government to sign the agreement with Ocean Infinity.

This paves the ways for Ocean Infinity to proceed with seabed search operations to locate the wreckage of flight MH370 in a new area estimated at 15,000 square kilometres in the southern Indian Ocean. Based on the “no find, no fee” principle.

Under this principle, the Malaysian Government will not be required to pay Ocean Infinity unless the wreckage of the aircraft is discovered, with a success fee amounted to USD70 million.

The Government is committed to continuing the search operation and providing closure for the families of MH370 passengers.

**MINISTER OF TRANSPORT
LOKE SIEW FOOK
19 March 2025**

-END-

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mail aduan@mot.gov.my